

BAB II : PENGAJIAN TINGGI DI JEPUN

2.1 Pengenalan

Kini, terdapat satu juta pelajar asing di seluruh dunia. Ia dikenali sebagai "Popularization of overseas study" dimana pendidikan telah menjadi satu fenomena antarabangsa. Namun demikian, kehadiran pelajar asing di negara Jepun merupakan satu fenomena baru dan bilangan mereka kecil jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Menurut UNESCO, Statistical Yearbook 1988, Jepun hanya menduduki tempat keduabelas di belakang Amerika Syarikat, England, Perancis dan negara-negara lain dalam jumlah pelajar asing di dunia, iaitu 1.6% dalam jumlah satu juta pelajar asing. Keadaan ini dapat dilihat pada jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah Pelajar Asing Mengikut Negara-negara Utama (1984-1986)

	U.S.A	Perancis	Jerman Barat	England	Jepun	Lain-lain	Jumlah
Jumlah Pelajar Asing	350,174	127,677	79,798	48,818	15,020	317,315	938,804
Peratusan dalam Jumlah seluruh dunia	37.3%	13.6%	8.5%	5.2%	1.6%	33.8%	100%
Tahun	1986	1986	1985	1984	1986	1986	

Sumber : UNESCO, Statiscal Yearbook, 1988.

2.2 Sistem Pendidikan Di Jepun

2.2.1 Sistem Pengajian Tinggi Jepun

Sistem Pendidikan di Jepun adalah seperti ditunjukkan dalam lampiran 3. Pendidikan tinggi bermula selepas pelajar-pelajar menamatkan tempoh 12 tahun persekolahannya itu, iaitu 6 tahun di sekolah rendah, 3 tahun di sekolah menengah rendah dan 3 tahun lagi di sekolah menengah tinggi. Kadar bagi pelajar Jepun memasuki pusat pengajian tinggi adalah 53%. Kini sekolah Jepun telah dibahagikan kepada 3 kategori -- Nasional, Awam dan Swasta. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada sifat sokongan kewangan. Namun demikian, semua struktur organisasi adalah dalam format dan standard pendidikan yang sama.

Ada empat jenis institusi pendidikan tinggi yang boleh diikuti oleh pelajar asing, iaitu :-

- a) Universiti (Daigaku)
- b) Kolej rendah (Tanki-daigaku)
- c) Kolej Teknologi (Kōtō Senmon-gakkō)
- d) Sekolah Latihan Khas (Senshū-gakkō)

(a) Universiti ("Daigaku")

Universiti di Jepun menawarkan program peringkat Ijazah Sarjana Muda selama empat tahun atau enam tahun bagi pengajian perubatan, pergigian dan sains veterineri.

~~~~~

1. Article 52 dalam the school Education Law mengatakan "The University, as a center of learning, shall aim at teaching and studying deeply professional learning and technical arts as well as providing a broad knowledge and developing the intellectual, moral and practical abilities."

Sekolah graduan juga menawarkan dua tahun kursus Ijazah Sarjana dan tiga tahun kursus kedoktoran. Ada beberapa universiti yang menawarkan kursus kedoktoran selama lima tahun iaitu digabungkan dengan kursus kedoktoran dan Ijazah sarjana.

Universiti-universiti di Jepun terbahagi kepada institusi kerajaan awam dan sektor swasta yang membabitkan sejumlah 507 buah universiti. 96 daripadanya merupakan universiti kebangsaan ; 39 adalah universiti awam dan 372<sup>2</sup> buah yang baki dikendalikan oleh pihak Swasta. Sila lihat jadual 2.

3

(b). Kolej Rendah ("Tanki-daigaku")

Biasanya kursus yang disediakan di kolej adalah bagi tempoh dua tahun tetapi ada sesetengah kursus seperti latihan jururawat memerlukan tiga tahun. Kira-kira 60% daripada kolej di Jepun ditaja khas untuk wanita dengan menawarkan kursus seperti ekonomi rumahtangga, kesusteraan, pendidikan serta kesihatan dan kebajikan.

Mulai 1hb Oktober 1990, terdapat 593 kolej di Jepun, iaitu 41 buah kolej pengendalian kerajaan pusat, 54 buah milik kerajaan tempatan awam dan 498 lagi adalah institusi swasta. Lihat Jadual 2.

- ~~~~~
2. Universiti Kebangsaan atau National adalah dikendalikan oleh kerajaan pusat, manakala Universiti Awam pula dikendalikan oleh kerajaan tempatan.
  3. Dalam Artikel 69-2, perenggan 1, the school Education Law. Matlamat utama keloj rendah ini adalah " to conduct teaching and research in depth in specialized academic subjects and to cultivate such abilities as are required in vocations or pratical life."

(c). Kolej Teknologi("Koto-senmon-gakko")

Kolej ini menawarkan pengajian selama 5 tahun bagi lepasan sekolah menengah rendah untuk mengikuti kursus teknikal yang mampu bersaing ke arah pembangunan dan teknologi. Kebanyakan kolej tersebut menawarkan kursus kejuruteraan dan subjek yang berkaitan, seperti kepakaran di bidang perkapalan. Buat masa sekarang, kolej itu menerima pelajar yang menerima biasiswa kerajaan Jepun (Monbusho) atau pelajar yang dibiayai oleh kerajaan asing. Kolej ini tidak menerima pelajar yang dibiayai secara persendirian.

Pada tahun 1989, terdapat 62 buah kolej Teknologi di Jepun, iaitu 54 buah milik kerajaan, 4 buah milik awam dan 4 buah yang lain adalah kolej swasta. Lihat jadual 2.

(d). Sekolah Latihan Khas("Senshu-gakko")

Sekolah ini menawarkan kursus kepakaran melalui pengajaran. Di kalangan sekolah latihan khas ini, sekolah yang menawarkan kursus lepasan sekolah menengah boleh dianggap sebagai institusi pengajian tinggi. Pelajar mengikuti kelas bagi tempoh satu hingga tiga tahun, biasanya dua tahun

~~~~~

4. Dalam Article 70-2 of the school Education Law, berkata " A college of teachnology shall aim to teach specialised academic subjects in depth and to cultivate the abilities required for certain vocations."
5. Sekolah Latihan Khas adalah satu jenis institusi pendidikan baru yang ditubuhkan mulai 1976, ia "conducts systematic education to develop the abilities necessary for certain vocations or pratical life, or to enhance cultural standard." (Article 82-2 of the School Education Law).

bagi mendapatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang yang dipilih. Mulai 1hb Mei 1990, terdapat 3301 buah sekolah latihan khas di Jepun. Lihat jadual 2.

Jadual 2 : Bilangan Pusat Pengajian Tinggi, Pelajar dan Pensyarah. (1hb Mei 1990)

Kategori	Bil. Sekolah	Jumlah Pelajar	Bil. Guru
1. Universiti	507	2,133,277	123,838
2. Kolej Rendah	593	479,390	20,489
3. Kolej Teknologi	62	52,930	4,003
4. Sekolah Latihan Khas	3,301	791,462	31,724
5. Sekolah Beraneka	3,438	425,625	19,310

Sumber: The monthly Journal of Monbusho, N.1365 Okt. 1990. p.64.

2.2.2 Kalendar Sekolah

Tahun akademik bagi institusi pengajian tinggi di Jepun bermula pada bulan April dan berakhir pada bulan Mac tahun berikutnya. Di kebanyakan institusi pengajian tinggi, tahun akademik dibahagikan kepada dua semester : semester pertama bermula daripada April hingga September, manakala semester kedua bermula daripada Oktober hingga Mac.

Cuti semester adalah berbeza di antara universiti dan jabatan, tetapi biasanya ada tiga kali cuti dalam setahun iaitu musim panas (mulai awal Julai hingga akhir Ogos) : musim sejuk (akhir Disember hingga awal Januari) dan musim bunga (akhir Februari hingga awal April). Sila rujuk jadual

Jadual 3 : Kalender Kolej/Universiti

Bulan	Perkara
April	Cuti musim bunga
Mei	Upacara kemasukan Permulaan semesta pertama Pendaftaran kelas (Peperiksaan akhir)
Jun	
Julai	
Ogos	
September	Cuti musim panas
Oktober	Permulaan semesta kedua pendaftaran kelas perayaan Universiti
November	
Disember	
Januari	Cuti musim sejuk
Februari	Peperiksaan akhir, Peperiksaan Kemasukan, Upacara Konvokesyen
March	
	Cuti musim bunga

Biasanya pelajar yang memasuki universiti mula belajar bulan April. Bagaimanapun, di sesetengah pusat pengajian tinggi, kedua-dua iaitu pelajar biasa dan pelajar penyelidikan dibenarkan mengikuti pengajian pada awal semester kedua.

2.3 Pelajar-pelajar asing di Jepun

Bilangan pelajar asing yang menuntut di universiti dan institusi lain di Jepun meningkat secara mendadak sejak pelaksanaan 'Overseas Students Policies for the 21th Century' pada 1983. Dari lampiran 4, jelas kelihatan bahawa peningkatan bilangan pelajar persendirian adalah ketara sekali.

Pada tahun 1990, jumlah peningkatan pelajar persendirian adalah 9,508 orang iaitu 94.2% daripada jumlah peningkatan pelajar asing (14,096 orang) dan berjumlah 35,360 orang (85.5%) daripada jumlah pelajar asing (41,347 orang). Manakala pelajar biasiswa kerajaan Jepun adalah 4,961 orang (12.0%) dan pelajar biasiswa kerajaan Asing pula ialah 1,026 orang (2.5%) sahaja.

Sehingga 1hb Mei 1990, jumlah keseluruhan pelajar asing ialah 41,347 orang.⁶ Angka ini menunjukkan peningkatan bilangan pelajar asing sebanyak 32.3% (10,096 orang) berbanding dengan tahun sebelumnya. Pelajar asing ini datang dari kira-kira 130 buah negara. Berdasarkan kepada sebab-sebab kebudayaan dan geografi, hampir 91.7% daripada jumlah itu adalah pelajar dari negara-negara asia. (Sila rujuk lampiran 4)

Jika keadaan pertumbuhan yang pesat ini terus berlaku, tidak hairanlah dalam jangkamasa lima tahun lagi iaitu 1995 (5 tahun lebih awal dari jangka masa dijangka oleh kerajaan Jepun), pelajar asing di Jepun akan mencapai angka 100,000 orang. Dengan kata lain, Jepun hanya perlu menarik kira-kira 59,000 lagi pelajar asing bagi mencapai sasaran matlamatnya.

- ~~~~~
6. Jumlah 41,347 ini hanya dikira dalam kategori 'pelajar kolej' sahaja, iaitu pelajar asing yang menuntut di institusi pengajian tinggi seperti universiti, kolej rendah, kolej teknikal dan sekolah latihan khas. Semantara itu, pelajar asing yang dalam kategori 'pelajar pra-kolej' tidak diambil kira dalam angka tersebut. Menurut laporan pada 1989, terdapat seramai 72,486 pelajar pra-kolej sedang menuntut di sekolah bahasa Jepun.

2.4 Syarat Dan Kelayakan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Jepun

2.4.1 Mempelajari Bahasa Jepun di Institusi Bahasa Jepun

Pada dasarnya, bahasa pengantar yang digunakan di semua institusi pendidikan di Jepun adalah Bahasa Jepun. Oleh itu, pelajar asing yang berminat belajar di Jepun perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai bahasa Jepun selama satu hingga dua tahun sebelum memohon memasuki di mana-mana pusat pengajian tinggi. Boleh dikatakan, ia merupakan tahap pertama yang amat penting dalam mempengaruhi kelayakannya untuk menuntut di universiti dan kolej-kolej lain.

Sekolah bahasa Jepun dapat diklasifikasi kepada berbagai kriteria. Jika pengkelasan mengikut badan-badan pentadbiran, ia boleh dibahagikan kepada universiti, korporasi awam (Badan Pendidikan dan Yayasan awam), badan swasta dan persendirian. Jika pengkelasan pula mengikut kelayakan sesebuah sekolah, ia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu bergantung kepada samaada ia bertaraf "kakushugakko" (sekolah beraneka) atau tidak.

Mengikut kajian Agensi Bagi Hal-Ehwal Kebudayaan pada 1hb November 1989, terdapat 744 Institut bahasa di Jepun disediakan untuk pelajar asing yang berhasrat memasuki universiti di masa depan, ia termasuk untuk pelatih teknikal asing, anak-anak rakyat asing, penduduk asing amnya dan lain-lain.

Secara umumnya, terdapat tiga jenis sekolah bahasa Jepun berasaskan sistem kurikulum, iaitu A , B dan C yang ditunjukkan pada jadual 4.

Jenis sekolah A adalah disediakan oleh pelajar asing yang berhasrat memasuki universiti ; jenis sekolah B adalah untuk pelajar yang belajar bahasa Jepun untuk memasuki sekolah graduan atau kursus profesional dan jenis sekolah C adalah sekolah bahasa Jepun biasa sahaja. Walau bagaimanapun, jenis (C) ini mempunyai lebih ramai pelajar asing, ini adalah kerana masa pelajaran yang singkat ini (hanya 4 jam sehari) membolehkan mereka melakukan kerja sampingan.

Jadual 4: Jenis Sekolah Bahasa Jepun Berasaskan Sistem Kurikulum

Jenis	Subjek	Masa Kelas	Tempoh Masa Pengajaran
A	Bahasa Jepun dan matapelajaran asas (matematik,fizik,kimia, biologi,sejarah dunia, Inggeris dsb.)	Masa penuh (pagi dan petang)	1-1 1/2 tahun
B	Bahasa Jepun	Masa penuh (pagi dan petang)	6 bulan-2 tahun (dalam unit 3 atau 6 bulan)
C	Bahasa Jepun	Pagi,petang malam	3 bulan-2 tahun (dalam unit 3 atau 6 bulan)

2.4.2 Sistem Penjamin

Apabila seseorang pelajar asing hendak memohon status tempat tinggal atau visa bagi 'Pelajar-Kolej' atau 'Pelajar Pra-kolej', dia memerlukan seorang penjamin di Jepun.

Penjamin itu akan mengangkat sumpah di depan Menteri Kehakiman Jepun yang dirinya :

- (a). Menjamin perbelanjaan pelajar sepanjang tinggal di Jepun dan pulang ke negaranya.
- (b). Memastikan pelajar mengikut undang-undang Jepun.
- (c). Menyediakan panduan perlu kepada pelajar dan nasihat pembelajaran serta kehidupan di Jepun.

Penjamin bukan sahaja penting dalam mendapat kebenaran memasuki Jepun, tetapi juga penting dalam menandai perjanjian sewa rumah, memohon kemasukan sekolah bahasa Jepun atau universiti dan sabagai pengkaji atau hendak berkerja di syarikat Jepun selepas tamat pengajiannya. Selain daripada itu, jika seseorang pelajar asing ingin membuat sebarang bayaran ansuran atau kontrak, dia akan diminta mencari seorang Penjamin Bersama (Joint Surety) dan penjamin ini yang bertanggungjawab membuat bayaran tersebut jika pelajar itu gagal berbuat demikian.

Penjamin pada dasarnya mestilah rakyat Jepun. Jika penjamin seorang rakyat asing, maka syarat utama ialah dia mesti sudah menetap di Jepun selama 10 tahun atau lebih, mempunyai kehidupan berdikari, berpendapatan bulanan tetap dan pendapatan tahunan sekurang-kurangnya 3 juta yen. Baru-baru ini, ada institusi pendidikan, yayasan, korporasi, badan-badan sukarela, syarikat perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menerima pelajar asing menjadi 'anak jaminan' bagi pihak institusi.

Walau bagaimanapun, menurut perlembangaan Jepun, seorang penjamin dalam hal status tempat tinggal tidak semestinya bertanggungjawab terhadap orang yang dijamin dalam hal-hal lain. Oleh itu, seorang pelajar asing mungkin mempunyai 2 hingga 4 penjamin semasa menuntut di Jepun. Pada kebelakangan ini, kebanyakan pelajar asing tidak pernah menjumpai penjaminnya. Kes ini biasanya berlaku dalam keadaan pembelian yang dikenali sebagai 'surat penjamin', iaitu penjamin yang didapati melalui sekolah bahasa Jepun atau proksinya sebelum berangkat ke Jepun dan kadangkala sejumlah wang akan diminta sebagai jaminan. Hal ini telah menjejaskan fungsi sistem penjamin yang sebenar dan menimbulkan berbagai masalah terhadap pelajar asing.

2.4.3 Menjalani Ujian Kelayakan Kemasukan

Menurut Perlembangaan Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Jepun, pelajar asing yang berminat memasuki universiti, kolej atau sekolah latihan khas, mestilah telah menerima pendidikan selama 12 tahun di negara masing-masing dan diwajibkan menamatkan pendidikan sekolah menengah. Bagi pelajar taraf SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) di negara kita, mereka hanya boleh dipertimbangkan setaraf dengan mereka yang bersekolah selama 12 tahun jika mereka belajar Bahasa Jepun selama setahun di Sekolah Bahasa Jepun di Institut Pelajar Antarabangsa (ISI) atau Institut Pelajar Antarabangsa Kansai (ISIK).

Pelajar asing yang berminat untuk mengikuti kursus ijazah Sarjana di Universiti, mesti sudah menamatkan 16 tahun persekolahan atau diiktiraf sebagai mempunyai kemampuan akademik bagi tahap itu atau lebih tinggi.

2.5 Batasan Sistem Pengajian Tinggi Di Jepun

A. Bahasa Pengantar. Bahasa Jepun merupakan bahasa pengantar tunggal dalam sebarang bidang akademik di pusat pengajian tinggi. Oleh itu, seseorang pelajar asing yang ingin membuat pengajian di Jepun, syarat utama ialah kebolehan penggunaan bahasa jepun. Bagi pelajar asing yang berasal dari budaya-kanji, masalah penguasaan bahasa Jepun masih boleh diatasi dengan memasuki sekolah Bahasa Jepun selama satu atau dua tahun. Tetapi pelajar bukan budaya-kanji menghadapi masalah serius untuk melengkapkan diri dengan bahasa Jepun dalam masa yang singkat, walaupun bidang pengajian mereka bukanlah berhubungan dengan kesasteraan Jepun atau bahasa Jepun. Tambahan lagi, kebanyakan bahan kajian dan buku-buku adalah dalam bahasa Jepun. Ini telah menjadi penghalang utama bagi pelajar asing atau sarjana-sarjana asing membuat penyelidikan di Jepun.

B. Sistem Universiti. Pada dasarnya, sistem pendidikan Jepun di peringkat universiti lebih cenderung kepada skop penyelidikan daripada memberi pengajaran. Kebanyakan profesor tidak berminat menjadi pensyarah dan hanya menumpu perhatian dalam bidang kajiannya. Konsep ini amat berbeza dengan konsep pendidikan umum di peringkat universiti di negara-negara lain. Tambahan lagi, dalam laporan OECD Educational Survey Mission pada tahun 1971 menyifatkan sistem pelajaran sebagai 'pasar⁷an yang tertutup sepenuhnya hanya untuk orang Jepun'. keadaan sedemikian masih diamalkan oleh kebanyakan universiti nasional dan awam yang ada dasar supaya tidak menerima pelajar asing yang dikategorikan sebagai 'pelajar saradiri'. Ini adalah bertentangan dengan polisi Monbusho yang mementingkan pelajar persendirian (90% dari jumlah pelajar asing) pada masa akan datang.

Keadaan itu menjadi lebih buruk memandangkan adanya universiti dan kolej yang belum bersiap sedia dalam menerima kemasukan pelajar asing yang semakin bertambah dari segi hal pentadbiran ataupun bidang kurikulum.

~~~~~  
7. Satu lawatan pendidikan ke Jepun telah diadakan pada 1970 oleh OECD dan banyak pandangan telah dikemukakan dalam laporannya, "Reviews of National Policies for Education :Japan", Paris, 1971.

C. Sistem Kelayakan Kemasukan Pusat Pengajian Tinggi. Setiap institusi pengajian tinggi mempunyai sistem kelayakan kemasukan yang tersendiri. Bagi universiti kebangsaan, pihak berkuasa tidak menyediakan ujian khas kepada pelajar asing, mereka terpaksa bersaing hebat dengan pelajar Jepun.

Di samping itu, sebelum seseorang pelajar asing diterima masuk ke universiti, dia hendaklah menggunakan sekurang-kurangnya satu hingga dua tahun untuk belajar bahasa Jepun. Selepas itu, dia turut dikehendaki menduduki Ujian Kecekapan Bahasa Jepun, Peperiksaan Am bagi pelajar Asing dan ujian khas yang ditentukan oleh sesetengah universiti. Ini bermakna pelajar asing terpaksa melalui satu tempoh masa yang lama sebelum memasuki pusat pengajian tinggi di Jepun.

Jika keadaan ini dibandingkan dengan sistem penerimaan kemasukan universiti di negara maju lain seperti Amerika Syarikat dan Eropah barat, ia jelas menunjukkan kelemahan. Di negara barat ini, prosedur memohon universiti boleh dilakukan di negara sendiri dan kelayakan kemasukan hanya berdasarkan dokumen-dokumen, TOFEL dan sijil-sijil tertentu. Oleh itu, tidak hairanlah hanya sekumpulan kecil pelajar asing yang mahu belajar di Jepun.

D. Perkhidmatan sosial. Pelajar asing di Jepun menerima layanan yang tidak seimbang dari kerajaan Jepun. Pada umumnya, pelajar persendirian di Jepun tidak dapat menikmati

perkhidmatan sosial ataupun sokongan sosial yang disediakan oleh kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Jepun dengan sepenuhnya, terutamanya 'pelajar pra-kolej'.

Pihak Monbusho hanya bertanggungjawab terhadap 'pelajar biasiswa kerajaan Jepun' dan mengabaikan keperluan perkhidmatan sosial bagi pelajar persendirian. Keadaan ini telah menunjukkan kelemahan kerajaan Jepun dalam mengendalikan hal-hal pelajar asing serta kesan negatifnya.

Di samping itu, pihak universiti tidak mempunyai banyak pengalaman dalam menyelesaikan masalah kehidupan harian pelajar asing dan kekurangan fungsi serta koordinasi antara profesor, tutor dan pelajar.

- ~~~~~
8. Untuk perbincangan yang lebih teliti tentang masalah ini sila rujuk artikel Joseph Engage Hicks, "The Guidance of Foreign Students at Japanese Universities --- A look at the organization and Persons Responsible" (Research Association, RIHE Hiroshima University) dalam The Changing Functions of Higher Education. March 1985.